

Muhammad Anak Orang Korban

Terjemahan: Muhammad Yakob Abdul Latif – Nilam Puri

(Sambungan Qalam bilangan 206)

Perempuan yang mempelawa diri untuk berkahwin dengannya tanpa silu malu kepada ayah Abdullah sendiri. Perempuan muda itu jelas sekali bukan dari mereka yang selalu mengekori lelaki di jalan-jalan Makkah. Dilehernya terhias dengan sekalung mutiara yang indah, menunjukkan dia adalah seorang perempuan yang berharta dan bermaruah. Biji mata yang luas dan tenang selalu memancar cahaya yang lembut dan indah serta menimbulkan perasaan yang menarik dari gaya yang berlemah lembut dan kiuk¹ lentuk dengan lagak keperempuanannya yang semula jadi. Kedua-dua biji matanya yang kuyu selalu membayangkan supaya Abdullah tidak menolak dan mensia-siakan harapannya itu.

Setelah Abdul Muṭalib menyaksikan peristiwa itu, dia menarik tangan Abdullah dan terus beredar, serentak dengan ini Abdullah berkata kepada ayahnya “Saya seyogianya bersama-sama ayah, saya tidak boleh berpisah dengan ayah”. Dia terus mengekori di belakang Abdul Muṭalib dan meminta izin dari ayahnya supaya meminang si perempuan

muda yang terbentang di hadapannya tadi. Perempuan comel, menarik dan masih gempal, tiada seorang pun yang dapat mencari keburukan si perempuan itu, malah bagi Abdullah sendiri, perempuan itu lebih mahal dari seratus ekor unta yang menjadi tebusan kepada dirinya sendiri.

Tetapi bapanya Abdul Muṭalib bercita-cita hendak meminang seorang gadis anak temannya untuk dikahwinkan dengan Abdullah setelah dia terselamat dari cengkaman maut, dan juga bila umurnya meningkat remaja.

Tidak berapa lama kemudian, usia Abdullah pun genaplah tujuh belas tahun, ayahnya Abdul Muṭalib terus pergi ke rumah Wahab bin Abdul Manāf – iaitu seorang ketua banī Zahrah – untuk meminang anak gadisnya bagi dikahwinkan dengan Abdullah, pinangan Abdul Muṭalib dipersetujui oleh Wahab dan berlangsunglah perkahwinan di antara Abdullah dengan Amīnah binti Wahab.

Kini usia Abdullah tujuh belas tahun lebih sedikit, sedangkan Amīnah pula lebih muda dua tahun darinya, pada hari yang berikutan,

di waktu embun pagi masih turun Abdullah dan isterinya Aminah keluar menuju ke Kaabah, di tengah-tengah perjalanan mereka terserempak dengan perempuan muda yang dijumpai pada hari yang silam, Abdullah memandang kepadanya. Perempuan itu tak berkata apa-apa malah diam membisu. Dia menatap Abdullah dengan muka yang masam sekali, Abdullah berkata kepadanya “Mengapakah cik puan tidak memandang saya sebagaimana yang puan pandang di hari kelmarin?”. Perempuan itu menjawab dengan suara yang agak lantang “Hari kelmarin telah memisahkan kau dari ku. Di hari ini aku tak perlu lagi pada mu”. Abdullah memalingkan mukanya ke arah yang lain. Perempuan itu berdukacita dan mencaci-cacinya. Hati kecilnya berkata:

“Dia telah dihabiskan oleh Amīnah apa yang telah dihabiskan.

Berceritalah jiwa dan lidahku habis leka dengan berkata-kata”.

Makkah dan Keadaan Sekitarnya:
Dipertengahan kurun Masihi yang ketujuh, Makkah sudah pun menjadi sebuah bandar yang besar, penuh sesak dengan para saudagar dan barang-barang dagangan. Yang terkenal ke serata dunia semenjak dari masa-masa yang lampau

¹ Perkataan sebenarnya ialah liuk.

Muhammad Anak Korban

lagi. Lebih-lebih lagi keadaannya sentiasa menerima perubahan dan pembangunan yang dapat menarik saudagar-saudagar luar supaya datang bernaiga dan bermastautin di situ.

Makkah di kelilingi oleh kerajaan Parsi dan Rom, kedua-dua empayar yang sangat luas dan gagah perkasa. Kedua-dua kerajaan itu selalu melakukan pencerobohan ke atas satu sama lain, serang-menyerang sering berlaku di setiap waktu. Mereka menggunakan orang-orang Arab yang tinggal di luar padang pasir untuk menyerang ke atas pihak yang lain, pendek kata, mereka tanpa mempunyai disiplin hidup yang teratur dan terjamin, walaupun mereka berhajat kepada perhubungan dan peraturan yang tertentu, tetapi sayang!! Sikap permusuhan yang dilakukan oleh kedua-dua kerajaan itu, sering pula mengancam kafilah-kafilah yang membawa barang-barang dagangan yang datang dari berbagai-bagai negeri. Kafilah-kafilah ini sentiasa di bawah ugutan dan pencerobohan Rom dan Parsi, yang mana terkadang pula mereka terpaksa berpihak kepada golongan yang tertentu.

Demikianlah apa yang berlaku hingga hari demi hari Makkah bertukar menjadi sebuah bandar dan pusat perniagaan yang besar, di samping tempat tumpuan ramai yang selalu didatangi oleh kafilah-kafilah yang lalu-lalang dari berbagai-bagai tempat dan negeri itu. Selain dari itu Makkah juga dapat memainkan peranan yang penting hingga terdirinya pula pekan-pekan baru yang dapat

dipertukarkan dengan barang-barang dagangan yang dibawa oleh saudagar-saudagar Asia, Sham, Mesir, Yaman, India, Iraq dan juga dari Rom dan Parsi sendiri. Saudagar-saudagar tempatan mulai merebut peluang keemasan dengan mengambil faedah yang tertentu.

Kini Makkah berada di dalam Lembahan Wadi yang tak sering kering lagi dari kemajuan dan pembangunannya yang pesat, hingga Makkah dapat berdiri dengan iktisadnya yang tersendiri. Makkah sudah menjadi sebuah bandar perniagaan yang popular, perhubungannya berkembang begitu meluas. Lebih-lebih lagi kerana adanya ikatan kebangsaan dan kebudayaan yang kukuh.

Saudagar-saudagar besar Makkah merupakan sebagai hakim, sebagai pembesar-pembesar yang berkuasa, oleh kerana itu maka merekalah sahaja yang mempunyai kekuasaan untuk membuat sebarang peraturan dan undang-undang apa-apa jua. Merekalah yang menentukan corak kebudayaan yang dapat menjamin kemaslahatan dan muamalat mereka. Saudagar-saudagar besar Quraish dapat bertukar-tukar barang dagangan dengan saudagar-saudagar lain. Setengah-setengah dari mereka menjadi tuan punya milik. Tuan punya pusaka yang banyak, tak kurang pula ada yang sentiasa mencari orang-orang yang mahu memegang gadai, dengan semata-mata berharap kasihan belas dari mereka. Dan ada kalanya pula seorang lelaki terpaksa mengadaikan anak, isteri atau dirinya sendiri lantaran masa tebusan harta gadaian mereka sudah pun sampai. Di mana mereka wajib membayar balik apa-apa yang telah mereka berhutang sekali pun berlipat-lipat ganda banyaknya. Apabila mereka tak

berkuasa membayar hutang-hutang tadi, maka padahnya mereka menjadi hamba abdi kepada tuan yang harus diperlakukan oleh tuan-tuan mereka mengikut sekehendak hati masing-masing.

Di dalam kekusutan ekonomi yang terserah ke tangan kaum feudalis dan kesengsaraan kaum marahaen yang melarat dan terbiar itu, terdirinya pula patung-patung diluar Kaabah yang merupakan sebagai tuhan-tuhan mereka yang disembah oleh berbagai-bagai keturunan dari satu generasi yang datang dan pergi silih berganti, mereka berdiri sebagai khadam yang mengambil sempena baik dari anak-anak patung tadi, mereka selalu meminta berkat dirinya hinggakan di dalam soal jual-beli mereka sehari-hari, bukan setakat itu sahaja, malah mereka sanggup menyoal diri mereka sendiri menerima sesuatu qada' yang tertentu dari tuhan-tuhan patung mereka yang bisu.

Oleh kerana yang demikian, maka timbullah tukang-tukang sihir, tukang tilik nasib yang dianggap oleh mereka sebagai orang tahu mentafsirkan segala kehendak anak-anak patung yang terpaku bisu sebagai tuhan-tuhan mereka yang ditakuti. Setahun demi setahun keadaan Makkah bertambah, bilangan anak-anak patung yang selalu disembah dan dipuja oleh semua golongan yang mengujungi Makkah. Di samping kehidupan saudagar-saudagarnya yang menjadi tuan punya jutawan. Di mana kehidupan mereka hanya dari hasil barang-barang yang diberi kepada saudagar-saudagar jua. Ada pula yang menjadi penghisap darah dengan jalan memakan

Muhammad Anak Korbanan

riba, walaupun begitu, namun mereka dipandang hormat dan dijunjung tinggi. Kerana merekalah tuan-tuan punya kekayaan, merekalah saudagar-saudagar yang besar, dan merekalah pemilik kebun buah-buahan yang luas saujana.

Di samping tuan punya jutawan, puluhan ribu kaum-kaum buruh di mana kehidupan mereka semata-mata bergantung kepada upahan-upahan yang kecil dari kerja yang dilakukan oleh mereka di tanah-tanah persawahan yang jauh, atau dari dan saudagar-saudagar, mereka tiada mempunyai habuan yang cukup untuk hidup. Saudagar-saudagar dan kaum hartawan Makkah, suka membeli hamba-hamba abdi dari bangsa Afrika, hamba-hamba itu diberi latihan yang cukup cara-cara menggunakan senjata untuk menawan dan merampas barang-barang dagangan yang dibawa oleh kafilah yang datang dan yang pergi dari Makkah. Demikianlah berlaku hingga terjadi berbagai-bagai puak dan golongan.

Orang-orang Arab menganggap Makkah sebagai pusat kemajuan, bandar perniagaan yang penting bagi mereka, Makkah dapat memainkan peranan yang utama hingga dapat membangunkan ekonominya yang kukuh. Makkah lah sebagai jentera dan nadi kehidupan mereka sehari-hari. Lebih-lebih lagi di Makkah mempunyai sebuah rumah ibadah yang selalu dikunjungi oleh ribuan manusia yang datang dari berbagai-bagai negeri untuk mencari perlindungan, oleh kerana itu Makkah banyaklah di tepi-tepi Kaabah terdirinya tuhan-tuhan patung yang disembah dan dipuja oleh segala bangsa.

Pada musim haji pula, di Makkah merupakan satu musim perniagaan yang ramai sekali didatangi oleh saudagar-saudagar luar. Hingga di musim ini terpaksa didirikan pasar-pasar baru di luar Makkah disebabkan oleh ramainya bilangan orang-orang yang datang dari sehari ke sehari. Di antara pekan-pekan baru yang didirikan ialah seperti pasar Ukāz, pasar ini merupakan sebuah mahligai yang lengkap dengan berbagai-bagai peralatan, puak dan keturunan. Bukan dari keturunan Arab Quraish sahaja.

Di pasar Ukāz selalu dikunjungi oleh raja-raja, pembesar-pembesar dan juga pemimpin-pemimpin yang datang dari seluruh kepulauan dan negeri. Mereka membawa barang-barang dagangan dari Rom dan Parsi. Di pasar ini didirikan pentas-pentas yang menjadi tempat pertaruhan bagi penyair-penyair yang masyhur, dan mana-mana syair-syair yang terbaik digantungkan di sisi Kaabah. Sebagaimana yang terkenal dengan nama “*Al-Mu‘allaqāt*” yang termasyhur di sisi orang-orang Arab.

Ukāz bukan sahaja merupakan sebagai tempat perjumpaan ramai yang diadakan oleh semua bangsa. Malahan di sana juga menjadi bandar perniagaan yang laris sekali dengan perjualan hamba abdi yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa, baik dari keturunan kaum Habshi yang hitam, mahu pun dari bangsa Rom yang berkulit cerah. Tidak ketinggalan juga bangsa India, Mesir, Parsi dan perempuan-perempuan dari Asia Tengah.

Di Ukāz berpeluang baik bagi kaum yang lemah untuk menentukan hak-hak

mereka yang suci, yang mana selama ini mereka ditindas dan diperah oleh pihak-pihak yang gagah dan berani. Seterusnya, Ukāz di samping menjadi sebuah bandar yang ajaib, di sanalah juga bandar perniagaan dan tempat pertukaran hamba abdi, adat resam, kebudayaan, mata benda dan sebagainya. Sering di sana penyair-penyair membentangkan titih barih (susur galuh) dan bermegah-megah dengan keturunan mereka yang mulia. Ahli-ahli agama Nasrani terus-menerus memuja kebesaran gereja. Ulama-ulama Yahudi bertalu-talu membaca kandungan kitab suci mereka. Perempuan-perempuan Quraish yang terhormat pula selalu mempelawa diri masing-masing untuk pinangan si lelaki, mereka menyayangi dan memuja-muja dengan lagu yang bertema percintaan. Tukang-tukang nujum tak berhenti-henti meramalkan dan mendedahkan sesuatu yang diketahui oleh mereka dengan irama yang bersajak sekali, raja-raja dan pembesar-pembesar tekun menguruskan barang-barang dagangan mereka yang mahal dan indah. Kaki-kaki peminum arak dan penghibur lara sentiasa berkelakar dengan daya penarik yang berpengaruh. Seterusnya di Ukāz bersedia dengan ahli-ahli sejarah, ahli-ahli yang berketurunan mulia, dan perempuan-perempuan lacur yang tak mengenal puas dan jemu dengan emosi percintaan. Demikianlah Ukāz merupakan sebuah pasar baru yang lengkap dengan berbagai-bagai alat perhiasan, di mana setengah-setengahnya pula tidak dapat ditandingi dengan keadaan di Makkah sendiri. Kaum lelaki suka bermegah dengan keramaian hamba, dengan kekayaan harta benda, asyik dengan meminum arak, menindas dan membunuh kaum yang lemah, dan bergelimang dengan perempuan-perempuan sundal. Golongan

Muhammad Anak Korban

perempuan pula bermegah-megah dengan keramaian pelanggan dan peminat-peminat mereka. Mereka bangga dengan bilangan anak yang banyak, biar pun dengan apa cara perhubungan mereka, tidaklah menjadi masalah, kerana bukanlah semata-mata nikah kahwin yang tertentu sahaja layak menjadi asas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Malah seribu cara pun diperharuskan oleh mereka.

Tidak ada sebarang perlindungan kepada kaum miskin dan papa. Tidak ada undang-undang atau adat resam yang dapat menjamin kehidupan mereka, selain dari peraturan yang telah ditentukan harta kekayaan itu sahaja. Kaum lelaki dibebankan dengan berbagai-bagai tanggungjawab supaya mereka terus menerus menjadi hamba abdi kepada tuan-tuan yang berharta. Perempuan-perempuan pula diperkosa oleh ketua-ketua yang kejam dan zalim. Mereka adalah menjadi sebagai alat pemuas hawa nafsu di samping dihantarkan mereka ke tempat-tempat pelacuran dan persundalan.

Pendek kata baik lelaki, mahu pun perempuan telah musnah sama sekali sifat-sifat kemanusiaan mereka yang jati. Hanya sebilangan kecil jua yang terselamat dari peradaban yang liar dan cengkaman hutang yang bermaharajalela pada masa itu, betapa tidak !!! Segala kekayaan, kebendaan, malah semua tuhan-tuhan patung di sisi Kaabah itu sendiri adalah dimiliki oleh tuan-tuan yang terhormat sahaja.

Ya!!! Keadaan di Makkah kini telah kehilangan segala sifat-sifat dan peradaban

sebagai seorang yang sempurna. Hanya ketandusan padang pasir dan kekejaman jua yang sentiasa berlaku. Oleh itu setengah-setengah penduduk-penduduk Makkah terpaksa tinggal berasing-asingan, tinggal jauh dari Makkah, Kaabah, demi untuk mendapat penghidupan yang aman tenteram. Biar pun berpisah jauh dari kota-kota yang mengelilingi Kaabah, berpisah ke ulu-ulu padang pasir dan negeri yang sentiasa kering dan tandus tanpa memiliki sesuatu selain dari buah kenangan dan ingatan abadi

terhadap cita-cita keikhlasan dan kesucian hidup jua.

Di dalam gegak gempita kezaliman, gelap-gelita yang mengelubungi alam, lahirlah sebuah obor petunjuk, membanteraskan sesuatu tradisi lama, lahirlah seorang manusia, tetapi sebijik permata dari jajaran batu-batu pejal, lahirlah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib, seorang bapa di demokrasi tulen.

(Bersambung)



Seorang kanak-kanak berumur sepuluh tahun yang menjadi korban kekejaman Yahudi sedang dirawat di Hospital Damsyik Syria.

(Gambar dipetik daripada *al-Nadwah*).